

Bahagian A

Jawab semua soalan.

**4.1 Pemerintahan Kesultanan
Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan,
Terengganu dan Johor**

- 1 Pada peringkat awal, Perlis merupakan sebahagian daripada wilayah yang terpisah dengan negeri X. Apakah negeri X?
A Perak
B Kedah
C Kelantan
D Terengganu

Buku Teks m.s. 86

- 2 Tokoh berikut telah dilantik sebagai Raja Perlis pada tahun 1843.

Syed Hussin Jamalullail

Siapakah yang telah memberikan pengiktirafan terhadap pelantikan tersebut?

- A Sultan Kelantan
- B Sultan Kedah
- C Maharaja Siam
- D Maharaja China

Buku Teks m.s. 86

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan latar belakang pembentukan kerajaan Perlis.

**Mewujudkan gelaran Dato' Belat
Paduka Seri Perdana Menteri**

Tokoh manakah yang terpilih untuk menjawat jawatan tersebut?

- A Dato' Arau
- B Raja Muda
- C Dato' Kuala
- D Raja Bongsu

Buku Teks m.s. 86

- 4 Apakah yang menjadi rujukan kepada pelaksanaan sistem perundangan kerajaan Perlis?

- A Undang-Undang Kesultanan Perak
- B Undang-Undang Kesultanan Kedah
- C Undang-Undang Kesultanan Melaka
- D Undang-Undang Kesultanan Johor

Buku Teks m.s. 86

- 5 Mengapakah Kesultanan Kedah menjalin hubungan luar dengan kerajaan Siam?

- A Memperakui kedaulatan
- B Mengelak pengaruh kuasa Barat
- C Memajukan pengeluaran hasil bumi
- D Mempertahankan negeri daripada ancaman Burma

Buku Teks m.s. 87

- 6 Apakah lokasi yang dipilih sebagai pusat pentadbiran Kesultanan Kedah semasa zaman permulaan pertapakan Islam?

- A Kota Sena
- C Kota Siputih
- B Kota Setar
- D Kota Bukit Meriam

Buku Teks m.s. 87

- 7 Golongan pembesar berperanan penting dalam membantu pentadbiran negeri. Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan peranan tersebut.

	Pembesar	Peranan
A	Penggawa	Melaksanakan perintah sultan
B	Pembesar negeri	Menjaga keamanan
C	Pembesar daerah	Menyediakan tenaga kerja
D	Penghulu	Mempertahankan kedaulatan negeri

Buku Teks m.s. 87

- 17 Mengapakah tindakan Perancis tersebut boleh memberikan kesan kepada British?
- A Memonopoli urus niaga bijih timah
 - B Menghalang peluasan kuasa British
 - C Menjejaskan perdagangan di Singapura
 - D Meluaskan kuasa di Negeri-negeri Melayu Utara

Buku Teks m.s. 90

- 18 Apakah kuasa Barat yang terlibat dengan penggunaan slogan berikut untuk meluaskan kuasa mereka di negara kita?

Beban Orang Putih

- A Sepanyol
- B Belanda
- C Perancis
- D British

Buku Teks m.s. 91

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan peluasan kuasa British di Negeri-negeri Melayu Utara.

Bertujuan untuk menghubungkan negara X dengan Pulau Pinang dan Singapura.

Apakah negara X?

- A India
- B Burma
- C Thailand
- D Sri Lanka

Buku Teks m.s. 91

- 20 Gambar berikut menunjukkan bunga emas yang dihantar oleh kerajaan Kedah dan Perlis kepada kerajaan Siam.



Bilakah penghantaran tersebut perlu dilakukan?

- A Setiap tahun
- B Setiap dua tahun sekali
- C Setiap tiga tahun sekali
- D Setiap empat tahun sekali

Buku Teks m.s. 92

4.3 Peluasan Kuasa British di Johor

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan rancangan pihak British di Johor.

Kerajaan Johor pernah ditawarkan pinjaman sebanyak 200 000 dolar daripada pentadbiran British

Apakah kesan yang akan berlaku daripada penerimaan pinjaman tersebut?

- A Menjejaskan ekonomi negeri
- B Mengurangkan kuasa pembesar
- C Memajukan perdagangan negeri
- D Menghalang kemasukan pelabur asing

Buku Teks m.s. 95

- 22 Apakah jawatan tertinggi pentadbiran British yang terawal diwujudkan dalam sistem pemerintahan kerajaan Johor?

- A Residen
- B Penasihat
- C Pegawai Konsul
- D Gabenor

Buku Teks m.s. 95

- 23 Tokoh berikut pernah berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan British.

Sir Arthur Henderson Young

Apakah jawatan yang disandang oleh beliau?

- A Residen British
- B Penasihat Am British
- C Setiausaha Tanah Jajahan
- D Gabenor Negeri-negeri Selat

Buku Teks m.s. 95

4.4 Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

- 24 Pada tahun 1914, Johor mengalami perubahan dalam bidang pentadbiran.

Apakah perubahan yang dimaksudkan?

- A Menerima Residen British
- B Menerima Penasihat Am British
- C Menyertai Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Memisahkan pentadbiran dengan Singapura

Buku Teks m.s. 96

- 25 Jadual berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Perlis.

Tahun	Keterangan
1931	Melantik pegawai British dalam pentadbiran negeri

Berapakah bilangan pegawai tersebut?

- A Dua orang
- B Tiga orang
- C Empat orang
- D Lima orang

Buku Teks m.s. 97

- 26 Pihak manakah yang bertanggungjawab melaksanakan pentadbiran kerajaan Terengganu?

- I Jemaah Menteri
- II Majlis Mesyuarat Negeri
- III Jemaah Raja-raja Negeri
- IV Majlis Mesyuarat Menteri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 98

- 27 Tindakan berikut dilakukan oleh negeri-negeri Melayu selepas mencapai kemerdekaan.

Mengekalkan hari Jumaat sebagai hari cuti negeri.

Apakah negeri-negeri Melayu yang terlibat?

- I Johor
- II Pahang
- III Selangor
- IV Terengganu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 99

- 28 Pasukan tentera berikut telah ditubuhkan oleh pemerintahan Kesultanan Johor pada tahun 1885.

Askar Timbalan Setia Negeri

Siapakah tokoh yang telah menubuhkan pasukan tersebut?

- A Sultan Ali
- B Sultan Ibrahim
- C Sultan Abu Bakar
- D Sultan Abdul Rahman

Buku Teks m.s. 99

- 29 Tokoh berikut pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Besar.



Raja Ahmad bin Raja Endut

Apakah negeri yang dimaksudkan?

- A Perak
- B Perlis
- C Johor
- D Kedah

Buku Teks m.s. 100

- 30 Apakah akta yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam segala urusan rasmi di negara kita?

- A Akta Bahasa Kebangsaan 1955/61
- B Akta Bahasa Kebangsaan 1957/63
- C Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
- D Akta Bahasa Kebangsaan 1963/73

Buku Teks m.s. 101